

Malaysia mahu bantu bangunkan semula Iraq

BSH - 6/7/2004 : 2

Oleh Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia sanggup dan bersedia untuk turut serta dalam pembangunan semula Iraq berikutan penyerahan kuasa kepada sebuah kerajaan sementara di negara itu.

"Kita mahu...ya. Kita ingin terbabit dalam pembangunan semula dan saya berpendapat kita mempunyai kepakaran dan keupayaan," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), di sini semalam.

Beliau ditanya sama ada Malaysia menimbang untuk memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan semula Iraq selepas penyerahan kedaulatan Iraq kepada kerajaan sementara pimpinan Perdana Menteri, Iyad Allawi oleh Amerika Syarikat akhir bulan lalu.

Akhir bulan lalu, majlis pemerintah sementara menyerahkan kuasa pentadbiran kepada kerajaan sementara Iraq, sekali gus mengakhiri penaklukan dan pentadbiran Amerika Syarikat dan sekutunya di Iraq. Malaysia sebelum ini antara penentang utama penaklukan itu kerana tidak diresmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri, ketika ditanya bidang yang sesuai untuk Malaysia dalam pembangunan semula Iraq, berkata: "Dalam pembangunan infrastruktur kita boleh."

Mengenai pemulihan hubungan diplomatik dengan Iraq, Abdullah berkata, Malaysia sebelum ini tidak pernah memutuskan hubungan antara kedua-dua negara walaupun menutup kedutaan negara ini di Baghdad.

"Kita menutup pejabat misi kita kerana keadaan tidak membenarkan meneruskannya tetapi kita tidak memutuskan hubungan diplomatik.

"Adalah penting keadaan di sana kembali stabil dulu. Rakyat Malaysia yang akan berkhidmat di sana mesti dipastikan selamat. Kita sangat berminat (membuka semula kedutaan) dan sedang menilai keadaan," katanya.

Abdullah yang juga Pengerusi Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) juga berkata, Malaysia berpendapat negara yang terletak tidak jauh dari Iraq lebih wajar menghantar tentera pengaman ke negara itu.

Katanya, kedudukan yang berdekatan dari segi geografi itu akan memudahkan urusan logistik dalam penghantaran tentera ke negara berkenaan.

"Yang pastinya ialah kita tidak menghalang pihak lain berbuat demikian. Kita belum menerima sebarang petunjuk daripada rakan-rakan negara anggota OIC mengenai sama ada mereka mahu menyertai satu pasukan pelbagai negara ke Iraq.

"Pendapat kita ialah kita ingin menggalakkan negara yang mampu supaya berbuat demikian, khususnya negara di rantau itu yang terletak tidak jauh dari Iraq," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, sebelum penghantaran se-



ABDULLAH bergambar dengan peserta Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Pusat Konvensyen Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar

barang tentera pengaman pelbagai negara ke sana, Malaysia berharap jaminan dapat diberikan bahawa keganasan dan pengeboman berjaya ditangani.

"Jika keadaan terus tidak stabil dan

banyak keganasan dan pengeboman, adalah sukar untuk mendapatkan negara lain mengikuti pasukan pengaman antarabangsa. Jadi menjadi sangat mustahak kepada kerajaan sementara Iraq memastikan ke-

amanan dan kestabilan di Iraq wujud," katanya.

Beliau berkata, keamanan itu juga perlu bagi memastikan pilihan raya yang dirancang Januari depan berjalan lancar.